

10 MAY 1997

Badminton-Terengganu

PEMAIN UTAMA BERJAYA PUSINGAN AWAL

KUALA TERENGGANU, 10 Mei (Bernama) -- Para pemain utama mencapai kemenangan mudah pada pusingan kedua Kejohanan Badminton Sirkuit Kebangsaan Proton-EON Terengganu Terbuka di Stadium Negeri di sini hari ini.

James Chua (BAM/SK) mencapai kemenangan mudah apabila mengalahkan Davincy Saha dari Pulau Pinang 18-17, 15-5 dalam masa setengah jam.

P.Kantharoopan (BAM/KL) bagaimanapun terpaksa berhempas pulas sebelum mengatasi Pei Wei Chung (SK) dalam tiga permainan. Kantharoopan akhirnya berjaya menundukkan pencabarnya itu 15-3, 11-15, 15-3.

Wong Ewe Mun (BAM/KL) turut mengatasi rintangan kedua setelah mengalahkan Siew Yian Wai (BAM/KL) 15-13, 15-4 dan Jason Wong (BAM/KL) menewaskan Ng Kam Fook (Pulau Pinang) 15-4 dan 17-14.

Dalam bahagian perseorangan wanita, Chong Nga Fan (BAM) mencapai kemenangan mudah mengalahkan Anastasia Liau dari Perak (PK) dengan mata 11-1 dan 12-11 manakala Lee Winnie (BAM/KL) pula menewaskan Lim Poh Ching (PK) 11-1, 11-6.

Pemain perseorangan lelaki ramaja, Foo Yeou Chyuan (BAM/PK) mengalahkan Fong Po Weng dari Perlis (PS) 15-9, 15-12 manakala Jeremy Gan (BAM/MK) menewaskan Azru Abdullah (PG) 15-3, 15-4 dan Sidney Micheal (SL) mengalahkan Yeoh Kay Bin (BAM/PK) 15-11, 15-5.

KEPUTUSAN PENUH:

Perseorangan (Lelaki):

James Chua (BAM/SK) kln Davincy Saha (PG) 18-17,15-5; P.Kantharoopan (BAM/KL) kln Pei Wei Chung (SK) 15-3,11-15,15-13; Ramesh Nathan (BAM/KD) kln Ng Kean Kok (KD) 7-15, 17-14, 15-6; Foo Yoon Keang (BAM/KD) kln Mahathir Mustafa (BAM/MK) 12-15,15-1,15-3; Wong Ewe Mun (BAM/KL) kln Siew Yian Wai (BAM/KL) 15-13,15-4; Loh Ah Heng (BAM/MK) kln Yap Yong Jyen (BAM/KL) 15-8,17-15; Jason Wong (BAM/KL) kln Ng Kam Fook (PG) 15-4, 17-14 dan Sidney Micheal (SL) kln Yeoh Kay Bin (BAM/PK) 15-11,15-5.

Wanita: Chong Nga Fan (BAM) kln Anastasia Liau (PK) 11-1,12-11; Lee Winnie (BAM/KL) kln Lim Poh Ching (PK) 11-1,11-6; Geevien Saha (PG) kln V.Rodrigues (MK) 11-4, 11-3.

Remaja:

Perseorangan Lelaki: Foo Yeou Chyuan (BAM/PK) kln Fong Po Wing (PS) 15-9, 15-12; Jeremy Gan (BAM/MK) kln Azru Abdullah (PG) 15-3, 15-4; Nik Ahmad Faiz (KN) kln A'Amar Hisham (PS) 15-7, 15-5; Adi Sumirat (SL) kln M.Subramaniam (KL) 15-7, 15-2; Makhazim Mohd (ATC/PS) kln Erham Ahmad (PK) 15-11,15-1 dan Sairul Amar (ATC/PS) kln Azahawari Osman (SB) 15-8,15-7. --

BERNAMA

IB NMO